


Belangkas diancam kepupusan

BM 5/6/2022

MS: 35

Tiada akta khusus, penangkapan haiwan marin untuk hidangan di restoran makanan laut jejasakan penetasan baharu



Oleh Prof Madya
Dr Faridah Mohamad

Juadah belangkas menjadi tular dan dikomersilkan sebagai menu eksotik seantero Malaya, sekali gus meningkatkan permintaannya di pasaran. Namun, padahnya ia mampu mengancam kepupusan habitat haiwan marin itu.

Buktinya, ada restoran makanan laut menghidangkan kerabu mangga telur belangkas yang dibakar bersama isinya, selain dimasak pelbagai cara.

Harga mencecah RM25 seekor mungkin mahal nilainya pada manusia, tetapi ia tiada tandingannya dengan kerugian terpaksa ditanggung oleh alam marin yang kehilangan ribuan telur belangkas.

Dengan seekor dimasak menu kerabu mangga telur belangkas, natijahnya dianggarkan 18,000 biji telur belangkas musnah dan tidak dapat ditetaskan.

Untuk menunggu seekor belangkas hidup dan mencapai usia matang perlu memakan masa enam hingga tujuh dan mula

bertelur kembali bagi meneruskan generasi mereka.

Ketika ini, populasi belangkas di Malaysia semakin berkurangan, sedangkan kewujudan haiwan unik itu sangat lama dengan bukti fosil bertarikh lebih dua juta tahun dahulu.

Kini, hanya empat spesies belangkas di dunia dengan taburan amat terhad. Tiga lagi spesies wujud di rantau Asia, iaitu di India, Indonesia, China dan Jepun, dengan kebanyakan negara mempunyai satu atau dua spesies.

Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak mempunyai tiga spesies belangkas itu, iaitu *Tachypleus tridentatus* (spesies paling besar di dunia dengan lebar karapes mencecah 25.7 sehingga 31.2 sentimeter (sm)), *Tachypleus gigas* dan *Carcinoscorpius rotundicauda* (spesies paling kecil, menghuni kawasan paya bakau dan paya laut).

Spesies belangkas di Malaysia

Spesies dijadikan juadah di Malaysia ialah jenis belangkas pantai, *T gigas*, yang masih banyak ditemui

di perairan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Di Malaysia, belangkas masih dianggap sebagai makanan setaraf dengan makanan laut lain tanpa tertakluk di bawah mana-mana akta kawalan tangkapan.

Spesies ini bersaiz sederhana, dengan betina yang matang mempunyai lebar cangkerang (karapes) antara 17 sehingga 25.5 sm.

Sehingga kini, *T gigas* dan *C rotundicauda* masih dikategorikan sebagai Data Deficient dalam Senarai Merah IUCN (2019), iaitu kekurangan data saintifik untuk menentukan status populasinya di dunia.

Sedangkan *T tridentatus*, spesies wujud di Jepun dan China diwartakan terancam kerana populasinya amat berkurang.

Pewartaan ini, hasil kajian

▲ Belangkas kembali ke Pantai Kemasik, Kemaman, Terengganu selepas menggali dan bertelur.

populasi yang banyak dilakukan terhadap spesies itu.

Antara kajian awal *T gigas* di Malaysia dilakukan Kumpulan Penyelidikan Belangkas Terengganu (HCRG), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meramalkan terdapat hanya sekitar 10,000 ekor belangkas dewasa di perairan Chendor dan Cherating pada 2014, berbanding lebih 100,000 ekor di perairan timur laut Sabah, pada 2016.

18,000 biji telur belangkas gagal ditetaskan

Dari muka 35

Walaupun ramalan ini mungkin kurang tepat, tetapi memberi gambaran saiz populasi haiwan di Malaysia, berbanding jutaan *L polyphemus* di Amerika. Fenomena sama turut diperhatikan di negara Asia Tenggara lain.

Habitat belangkas

Kira-kira 20 tahun lalu, belangkas sering dilihat berduka-duaan di kawasan air cetek di tepian pantai, manakala belangkas jantan lebih kecil dilihat berpaut pada bahagian belakang betina yang lebih besar.

Belangkas tiada pilihan kecuali perlu ke pantai untuk membiak dan sering dilihat ketika air pasang khususnya pada bulan penuh sama ada siang atau malam.

Pasangan belangkas mencari kawasan air pasang surut yang sesuai untuk menggali sarang dan melepaskan telurnya, sambil jantan pula menaburkan benihnya ke atas telur-telur itu.

Persenyawaan berlaku secara luaran di dalam sarang kemudian tertimbus pasir halus di pantai, sebelum pasangan ini bangkit berenang ke laut.

Sepasang belangkas pantai mampu membuat sehingga 12 lubang sarang, dengan bilangan telur mencecah 400 biji setiap sarang. Proses bertelur berlanjutan bermula air pasang sehingga air surut semula antara dua hingga tiga jam. Pasangan ini kemudian kembali ke laut dalam untuk meneruskan kehidupan mereka, tetapi secara solo.

Telur ditinggalkan dalam sarang akan mengalami proses pengerasan, setiap hari akan ditenggelami air pasang dan dipanaskan oleh matahari bila air surut.

Kesemua fasa basah dan kering mengikut sela masa tertentu, akhirnya memungkinkan anak belangkas menetas selepas empat hingga enam minggu.

Ketika air pasang seterusnya,



belangkas keluar dari sarang dan membiarkan diri dibawa arus ke khususnya kawasan campuran pasir dan selut yang kaya nutrien seperti di kawasan paya bakau untuk meneruskan kehidupan sebagai anak belangkas selama setahun dua lagi.

Malangnya, kini banyak kawasan nursery ditebus guna untuk tujuan pelancongan, akuakultur atau lain-lain kegunaan lagi. Aktiviti ini merendahkan peluang anak belangkas untuk terus hidup.

Di sesetengah tempat, pasangan belangkas ditangkap menggunakan pukat yang direntang selari dengan pantai semasa bulan penuh, memerangkap mereka berenang perlahan menuju ke zon pasang surut untuk bertelur.

Betina ditangkap manakala jantan dilepaskan kerana tiada nilainya. Belangkas sangat sedikit 'isi', tetapi betina sarat dengan telur. Telur ini tinggi nilainya untuk restoran makanan laut.

"Setiap sesi bertelur, belangkas betina mampu melepaskan hampir 500 telur dalam satu sarang, di mana ia mampu membuat sehingga 12 sarang. Hampir 6,000 telur boleh dilepaskan dalam sesuatu masa.

Satu pasangan yang sama pernah dilaporkan berada di pantai untuk tiga hari berturut-turut. Jangka hayat belangkas boleh menjangkau hingga usia 22 tahun, bersalin kulit lebih kerap pada tahun awal kehidupannya serta berhenti tiba usia matang. Ia boleh bersalin kulit sehingga ke-19 kali.

Wujudkan akta khas

Ketika ini, tiada akta kawalan khusus berkaitan belangkas sekali gus menyukarkan langkah pemuliharaan dan penguatkuasaan dilaksanakan demi menjamin kelestariannya di perairan.

Berdasarkan tinjauan lapangan HCRG di Pahang, mendapati nisbah belangkas di perairan Cherating ialah 1 betina: 14 jantan, menunjukkan impak



Anak belangkas yang terdapat di Mud Setiu.

penangkapan betina sebagai makanan manusia.

Jumlah eksport belangkas sangat tinggi ke Thailand menjadi antara faktor terbesar yang menyumbang kepada penurunan populasi haiwan ini di Malaysia.

Dengan bilangan yang semakin sedikit, tetapi permintaan terlalu tinggi, populasi belangkas pantai tidak akan mampu bertahan lama. Jika tiada langkah pemuliharaan kes sama berlaku seperti di Thailand.

Justeru, sumber marin pulihara secara lestari supaya manfaatnya kekal berterusan seperti dilakukan Jabatan Perikanan Johor melalui Pusat Penetasan Belangkas di Sedili Kecil sudah menjalankan usaha pemuliharaan dengan melepaskan anak belangkas bersaiz syiling 10 sen ke pantai untuk menambah populasinya.

Di Kuala Kemaman, dibina hatcheri Belangkas UMT untuk meneruskan usaha pemuliharaan ini bagi kawasan Pantai Timur, khususnya di Terengganu dan Pahang. Selepas beroperasi sepenuhnya, ia bakal dilengkapi dengan tangki peneluran dan fasiliti untuk pengerasan dan penetasan telur serta kultur larva belangkas sehingga instar lima, sebelum dilepaskan ke habitat asal.

HCRG berhasrat melaksanakan program komuniti setempat sebagai tanggungjawab sosial terhadap ekosistem marin dan sekali gus menjadi tarikan pelancong di situ.

Pelbagai pihak termasuk Jabatan Perikanan dan Taman Laut dan Jabatan Perhutanan dalam mentadbir urus habitat belangkas (lautan, pesisir pantai dan paya bakau) pasti akan memacu dan melancarkan segala usaha pemuliharaan, seterusnya membuahkan kejayaan dengan lebih pantas.

Penulis adalah Penyelidik Biologi dan Ekologi HCRG, UMT

Belangkas betina, satu berparut nipis dan satu berparut tebal.

Aktiviti Penyelidikan di hatcheri belangkas.

Telur belangkas yang ditimbus pasir.

